

Mansuh hukuman mati abai konsep keadilan

Pengumuman kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati mengundang pelbagai maklum balas. Ada yang menyokong, tidak kurang juga membantah. Majoriti yang lain mengambil sikap berdiam diri.

Kerajaan seharusnya mencadangkan hukuman alternatif yang setimpal dengan jenayah dilakukan sebelum memutuskan pemansuhan hukuman mati. Setakat ini, hanya cadangan hukuman penjara seumur hidup menggantikan hukuman mati. Adakah hukuman gantian ini berpatutan jenayah yang dilakukan?

Semua pihak perlu mengambil maklum hukuman penjara bukanlah mekanisme terbaik bagi menghukum penjenayah dalam kes tertentu. Pada hemat penulis, penjara tidak pernah menjadi hu-

Komentari



Dr Ramalingam Rajamanickam

Fakulti Undang-Undang (Universiti Kelangsaan Malaysia (UKM))

kuman paling ditakuti atau digeruni pelaku jenayah.

Keadilan untuk mangsa

Sebaliknya, kerajaan harus mengkaji secara mendalam isu ini sebelum mengambil tindakan drastik yang mampu mengabaikan kepentingan mangsa dan keadilan secara keseluruhannya. Dalam ke-

adaan tertentu, hukuman mati masih dilihat sebagai hukuman terbaik, termasuk dalam kes rogol dan bunuh mitalaya, terutama membabitkan kanak-kanak memandangkan kejadian seperti ini pernah berlaku di negara kita.

Pastinya kita tidak mahu melihat perogol dan pembunuh hanya sekadar dihukum penjara, manakala wang rakyat digunakan untuk membiayai penjenayah terbahit di penjara seumur hidupnya. Di manakah konsep keadilan yang kita junjung selama ini?

Jika diimbaz semula dua insiden rogol dan bunuh yang pernah menggemparkan negara suatu masa dahulu boleh disifatkan sebagai tidak berperikemanusiaan. Kes pertama membabitkan mangsa, Canny Ong bukan hanya dirogol tetapi ditikam dan mayat-

nya dicampakkan ke dalam lubang satu meter sebelum dibakar.

Insiden kedua membabitkan jurutera komputer, Noor Suzaily Mukhtar yang dirogol, dilwat dan dibunuh di dalam bas ketika dalam perjalanan ke tempat kerja.

Dua insiden ini jelas menggambarkan kekejaman dan kezaliman penjenayah yang tidak layak bergelar manusia kerana meragut maruah dan nyawa mangsa tanpa belas kasihan serta simpati.

Sesetengah pihak turut berbicara mengenai isu hak asasi manusia di pihak pelaku. Bukankah mangsa juga mempunyai hak asasi? Bukankah keadilan awam lebih penting daripada melindungi seorang penjenayah? Jika kita ada satu alasan untuk memansuhkan hukuman mati, kita juga ada lebih banyak alasan untuk menge-

kalkan hukuman mati.

Jika didapati wujud masalah dalam mekanisme pelaksanaan hukuman mati, perlu ada langkah untuk menantapkan atau membetulkannya, bukan dengan mengambil pendekatan mudah memansuhkan hukuman mati.

Penulis berpendapat hukuman mati sesuai dikekalkan, terutama dalam kejadian rogol dan bunuh atau rompak dan bunuh.

Tiada hukuman alternatif lebih sesuai dan adil untuk dilaksanakan terhadap penjenayah dalam kes seumpama ini, selain hukuman mati. Penulis tidak membantah pemansuhan hukuman mati dalam kes tertentu, tetapi memohon kerajaan mempertimbangkan perkara ini khususnya membabitkan penjenayah tegar dan melindungi mangsa kanak-kanak.

Seimbang keperluan dunia, akhirat tanpa abai jati diri

← Dari MUKA SEPULUH

Bangsa Melayu secara bersendirian atau berkeluarga berupaya mengubah sikap dan pandangan dunia mengenai kehidupan. Keperluan seimbang untuk kehidupan di dunia dan akhirat memerlukan Melayu menguasai ilmu, kemahiran baharu, berstrategi dan

inovasi untuk kesejahteraan dan pembangunan ekonomi.

Kekal pegangan agama

Pada masa yang sama, mereka perlu mengekalkan pegangan agama dan jati diri bangsa. Sikap negatif yang masih diamal perlu dikikis, dan binalah sikap positif terhadap dunia sekitar kita.

Dalam hidup bermasyarakat, kita perlu membina banyak persatuan dan pertubuhan yang melampaui kepentingan berpolitik. Pertubuhan sukan, kesenian, warisan dan kebajikan antara yang boleh dipelopori. Pertubuhan sosial pada peringkat komuniti, daerah dan negeri akan menggalakkan kita mengembang dan me-

ngamalkan budaya dan tradisi kebangsaan sambil membina nilai bersama. Kepemimpinan negeri dan negara boleh menjadi komponen penting membina Melayu abad ke-21. Bangsa Melayu dan Bumiputera ialah majoriti warga negara dan penduduk utama di kebanyakan negeri.

Berteraskan kontrak sosial dan

Perlembagaan, menjadi tanggungjawab mereka memperkasa bangsa dan budaya Melayu tanpa meminggirkan bangsa lain. Malaysia yang majonti bangsa Melayu dan dihuni pelbagai kaum boleh menunjukkan teladan bagaimana membangun bangsa Melayu terhormat, sambil membina kesejahteraan seluruh warganya.